

SPM 2011 keputusan terbaik

kosmo 22/12/12 MS 18

Oleh MOHD. HAFIZI AHMAD
dan NORHIDAYAH ISHAK
berita@kosmo.com.my

KUALA LUMPUR – Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin mengucapkan tahniah kepada pelajar yang memperoleh keputusan cemerlang dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) tahun lalu.

Menurut beliau, keputusan SPM 2011 telah menunjukkan peningkatan yang membanggakan malah terbaik dalam tempoh lima tahun dengan Gred Purata Nasional (GPN) meningkat kepada 5.04 berbanding 5.19 pada 2010.

Beliau berkata, ibu bapa dan semua warga pendidik wajar diberi penghargaan di atas sokongan dan usaha mereka bagi meningkatkan pencapaian keputusan SPM tersebut.

“Walaupun keputusan pada tahun ini dikatakan terbaik dalam tempoh lima tahun, tetapi saya lihat masih ada ruang untuk meningkatkan lagi prestasi pe-

lajar-pelajar sekolah di negara ini.

“Kerajaan menerusi Kementerian Pelajaran akan terus menggiatkan usaha untuk mempertingkatkan lagi potensi para pelajar,” katanya kepada pemberita selepas beramah mesra bersama pelajar yang mengambil keputusan SPM 2011 di Sekolah Menengah Sains Alam Shah di sini semalam.

Turut hadir pada majlis itu ialah Pengarah Jabatan Pelajaran Wilayah Persekutuan, Datuk Khairil Awang.

Sementara itu, Muhyiddin berkata, kementerian akan melaksanakan satu pelan transformasi bagi memperbaiki prestasi sekolah luar bandar memandangkan masih wujud jurang yang ketara dari segi prestasi sekolah bandar dan luar bandar.

Menurut beliau, melalui pelan itu, kementerian akan memberi tumpuan kepada sekolah menengah di luar bandar dari aspek seperti tenaga pendidik, prasarana, mutu pembelajaran, peruntukan dan peranan ibu bapa.



MUHYIDDIN (empat dari kiri) bergambar bersama sebahagian daripada pelajar cemerlang semasa melakukan tinjauan keputusan SPM di Sekolah Menengah Sains Alam Shah, Kuala Lumpur semalam.

559 calon SPM 2011 peroleh semua A+

PUTRAJAYA – Seramai 559 calon Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) tahun 2011 memperoleh gred cemerlang tertinggi A+ bagi semua mata pelajaran yang diduduki, berbanding 403 orang pada tahun 2010.

Ketua Pengarah Pelajaran, Datuk Seri Abd. Ghafar Mahmud berkata, daripada jumlah itu, seramai 506 adalah calon sekolah menengah kebangsaan manakala 53 lagi calon daripada sekolah selain sekolah menengah kebangsaan berbanding masing-masing 363 dan 40 calon pada tahun 2010.

“Pencapaian keseluruhan calon SPM 2011 bertambah



ABD. GHAFAR menunjukkan buku laporan keputusan SPM 2011 pada sidang akhbar di Putrajaya semalam.

Beliau berkata, seramai 12,200 calon (10 mata pelajaran), 284 calon

Beliau berkata, pencapaian GPN calon bandar dan luar bandar bertambah baik dengan calon bandar sebanyak 0.22 iaitu daripada 4.89 pada tahun 2010 kepada 4.67 pada 2011 dan calon luar bandar sebanyak 0.13 iaitu daripada 5.52 pada 2010 kepada 5.39 pada 2011.

“Namun, jurang pencapaian calon bandar dan luar bandar bertambah sebanyak 0.09,” katanya.

Abd. Ghafar berkata, pencapaian sekolah pada keseluruhannya menunjukkan peningkatan dengan sekolah dalam kategori Cemerlang dan Baik masing-masing bertambah se-



PING TING (kiri) riang bersama Muhammad Razlan selepas menerima keputusan SPM di Sekolah Menengah Pendidikan Khas Setapak, Kuala Lumpur semalam.

baik dengan Gred Purata Nasional (GPN) 5.04 berbanding 5.19 pada tahun 2010," katanya pada majlis pengumuman analisis keputusan peperiksaan SPM 2011 di sini semalam.

468,808 calon menduduki peperiksaan itu tahun lepas.

Abd. Ghafar berkata, seramai tujuh calon memperoleh semua A+ dalam 12 mata pelajaran, 72 calon (11

10 mata pelajaran) dan 143 calon (sembilan pelajaran).

Berdasarkan GPN, Abd. Ghafar berkata, keputusan SPM 2011 adalah yang terbaik dalam tempoh lima tahun.

banyak 13 dan 60 buah maknala sekolah dalam kategori memuaskan dan berpotensi masing-masing berkurang sebanyak empat dan 17 buah sekolah. - Bernama

Anak penjaja nasi bungkus dapat 11A

KUALA TERENGGANU - Pengorbanan seorang penjaja nasi bungkus untuk melihat kejayaan anaknya dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) menjadi kenyataan apabila Nurul Liyana Abdul Wahab, 18, memperoleh keputusan 10A+ dan 1A semalam.

Lebih membanggakan, kejayaan pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Syeikh Abdul Malik itu turut mengulangi pencapaian kakaknya sebelum ini.

"Tiada apa yang lebih membanggakan selain daripada menggemirakan ibu dan bapa saya dengan kejayaan ini.

"Ayah telah bekerja keras dengan menjaja makanan setiap hari

sejak belasan tahun lalu demi memberikan pendidikan terbaik kepada kami adik-beradik," kata Nurul Liyana yang tekad menyambung pengajian dalam bidang perubatan.

Bapa Nurul Liyana, Abdul Wahab Ronoh, 53, merupakan seorang penjaja nasi bungkus di Jalan Panji Alam, dekat sini dan telah mengusahakan perniagaan menggunakan motosikal tiga roda itu sejak 18 tahun lalu.

Ibu Nurul Liyana, Noriah Ambak, 50, pula berkata, tiga anak perempuannya sebelum ini telah berjaya melanjutkan pelajaran ke Universiti Teknologi Mara (UiTM) selain universiti di London dan Rusia dalam bidang perubatan serta fizik.



NUR LIYANA menunjukkan keputusan SPM kepada bapanya, Abdul Wahab sambil diperhatikan ibunya, Noriah di Kuala Terengganu semalam.

Pelajar rabun kronik, buta turut cemerlang

KUALA LUMPUR - Masalah rabun kronik yang dihadapi oleh seorang pelajar, Hanson Ang Ping Ting, 18, tidak menghalangnya untuk memperoleh keputusan cemerlang dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) tahun lalu.

Dia yang mengalami masalah penglihatan sejak kecil itu memperoleh 4A+, 2A, 3A- dalam peperiksaan tersebut.

"Impian saya adalah untuk menjadi seorang guru supaya saya boleh membantu mereka yang mempunyai masalah penglihatan seperti saya," kata Ping Ting yang merupakan pelajar Sekolah Menengah Pendidikan Khas Setapak itu ketika ditemui semalam.

Dia memperoleh A+ dalam mata pelajaran Sejarah, Sains, Perdagangan dan Ekonomi manakala A dalam Bahasa Melayu dan Matematik. A- pula diperoleh dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris, Pendidikan Moral dan Kesusasteraan Melayu.

Seorang lagi pelajar cemerlang di sekolah tersebut, Muhammad Razlan Ibrahim Mukhtar, 18, yang mendapat 5A+, 2A, 1A- dan 1B turut tidak menyangka akan mendapat keputusan yang cemerlang dalam SPM.

"Kami sentiasa bertukar maklumat antara satu sama lain bagi mengelakkan kami ketinggalan dalam sesuatu pelajaran," jelasnya yang buta ketika berumur 10 tahun.



PENGARAH Pelajaran Pahang, Yahya Zainal Abidin (berdiri, lima dari kanan) bergambar bersama sebahagian 42 orang pelajar cemerlang SPM Sekolah Menengah Abdul Rahman Talib di Kuantan semalam.



SEBAHAGIAN pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Naim Lilbanat' gembira selepas menerima keputusan SPM di Kota Bharu semalam.

Wajah-wajah ceria pelajar cemerlang SPM 2011



SEMALAM menjadi hari yang cukup bermakna kepada 559 calon Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) tahun 2011 apabila memperoleh gred cemerlang tertinggi (A+) bagi semua mata pelajaran yang diduduki. Mereka adalah sebahagian daripada 468,808 calon yang menduduki peperiksaan

itu di seluruh negara tahun lalu. Selain diraikan bersama rakan-rakan sekolah, kejayaan pelajar cemerlang tersebut turut dikongsi dengan ibu bapa, guru-guru serta pemimpin masyarakat yang hadir bagi meraikan detik-detik bersejarah itu.



GAMBAR ATAS: SEBAHAGIAN daripada pelajar perempuan yang mendapat semua A dalam SPM menunjukkan keputusan peperiksaan mereka di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Sheikh Abdul Malek, Kuala Terengganu semalam.

GAMBAR KIRI: Pelajar Sekolah Menengah Teknik Johor Bahru bersorak gembira apabila mendapat keputusan cemerlang semalam.



KETUA Pengarah Pelajaran, Datuk Seri Abd. Ghafar Mahmud (berdiri, kanan di tengah) turun padang bagi meraikan pelajar cemerlang SPM Sekolah Seri Puteri, Cyberjaya semalam.

PELAJAR cemerlang Sekolah Tuanku Abdul Rahman bersorak gembira selepas diumumkan sebagai sekolah terbaik SPM 2011 negeri Perak di Ipoh semalam.